

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 27.5.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar capaian Internet bagi sekolah di kawasan pedalaman dibandingkan dengan di bandar dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan capaian Internet terutamanya bagi sekolah di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua sekolah di Negeri Sarawak dirangkaikan dengan talian internet yang terbaik sedia ada mengikut lokasi. Dalam Projek 1BestariNet Fasa 2, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan merangkaikan semua sekolah yang berada dalam lingkungan 5 km dari fiber distribution point dengan capaian internet minimum 4Mbps dan 10Mbps mengikut keperluan. Bagi sekolah-sekolah di luar bandar dan pedalaman yang berada di luar lingkungan 5 km daripada *fiber distribution point*, KPM akan meningkatkan capaian dari 100Kbps ke 800Kbps setiap sekolah. Kesemua ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Julai 2015.